

NILAI ESTETIKA DALAM WARKAH RAJA-RAJA MELAYU: SUATU KUPASAN

Rohaini binti Amin¹ & Nor Azlina binti Endut²

¹²Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
rohaini@kuis.edu.my & norazlina@kuis.edu.my

ABSTRAK

Estetika adalah satu konsep yang sangat berkaitan dengan keindahan. Estetika mempunyai pengertian yang luas dan bergantung pada sudut mana ianya diperlihatkan. Dalam tamadun Melayu, seorang raja berada pada kedudukan yang sangat tinggi dan mulia. Maka dengan itu, warkah oleh raja-raja Melayu sememangnya memiliki nilai estetika yang mana perkara ini sangat seiring dengan kedudukan 'insan' istimewa tersebut. Untuk memperlihatkan nilai estetika yakni keindahan yang wujud dalam warkah raja Melayu, ianya memerlukan perhatian dan penilaian pada beberapa komponen utama yang ada pada warkah itu sendiri. Antara elemen yang akan menjadi perhatian kupasan adalah kepala surat, cap, kata-kata pujian, isi warkah, pra penutup dan penutup warkah. Perbincangan lanjut mengenai tajuk ini akan dikupas dalam kertas kerja penuh seminar.

PENDAHULUAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan estetika boleh dimaksudkan sebagai cabang falsafah yang mengkaji konsep yang berkaitan dengan keindahan, citarasa dan lain-lain. Estetika sering dihubungkan dengan perkara berkaitan seni dan keindahan. Estetika berasal dari perkataan Latin iaitu *aestheticus* atau dari perkataan Yunani iaitu *aesthetics* yang mana kedua-dua perkataan tersebut bersumberkan perkataan asalnya iaitu *aesthe* yang membawa maksud memiliki makna merasa. Oleh itu, estetika boleh difahami sebagai perkara yang berkait rapat dengan perasaan seseorang terhadap sesuatu keindahan yang tidak semata-mata hanya merungkaikan tentang bentuk keindahan tetapi juga merangkumi isi atau makna yang terkandung di dalam keindahan tersebut.

Dalam tamadun Melayu, kedudukan seseorang raja Melayu adalah sangat mulia dan utama. Raja adalah ketua dan tonggak kepada seluruh kehidupan yang bernaung di bawah kekuasaannya. Maka, nilai estetika adalah merupakan perkara utama yang akan hadir bersama dalam kehidupan raja-raja Melayu. Antara perkara penting yang mengandungi nilai estetika dalam kalangan raja Melayu ialah warkah-warkah mereka.

Warkah raja Melayu boleh diperlihatkan dalam dua situasi yang berbeza. Pertama ialah jenis warkah sosial yang mana pengirim atau penerima merupakan seorang raja, pembesar ataupun orang tertentu. Warkah sosial dihantar dengan tujuan tertentu kerana kandungan warkahnya merupakan hal-hal yang bersangkutan tentang peribadi, untuk mendapatkan bantuan ataupun pertolongan, perniagaan ataupun sebagainya. Warkah jenis ini terdapat dalam pelbagai bentuk dan orang yang mengirimnya juga boleh dibahagikan kepada beberapa golongan. Jenis kedua ialah warkah perjanjian. Ia merupakan warkah persetujuan ataupun persetujuan bersama antara pihak-pihak tertentu yang terlibat dalam perjanjian yang dibuat. Perjanjian boleh melibatkan individu dengan individu ataupun antara pihak-pihak tertentu dengan pihak yang lain. Secara umumnya, warkah perjanjian melibatkan persetujuan antara pihak sultan ataupun raja dengan pihak Barat seperti Portugis, Belanda dan Inggeris. Walau bagaimanapun, ada juga

warkah perjanjian yang termeterai antara pembesar-pembesar dalam sesebuah negeri dengan raja yang memerintah (Ab.Razak Ab. Karim, 2013).

NILAI ESTETIKA WARKAH-WARKAH RAJA MELAYU

Nilai estetika warkah-warkah raja Melayu boleh diperlihatkan pada dua situasi iaitu warkah sosial dan warkah perjanjian. Kedua jenis warkah ini mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri.

Kebanyakan para pengkaji melakukan kajian ke atas ciri-ciri warkah sosial dan amat kurang pula ke atas warkah perjanjian. Perkara ini berlaku kerana warkah sosial lebih bersifat umum dan tidak melibatkan banyak perkara rahsia atau lebih banyak soal peribadi dikemukakan kepada para penerima.

Bagi warkah perjanjian pula, fasal-fasal atau perkara-perkara yang terkandung di dalam sesuatu perjanjian adalah rahsia yang hanya diketahui oleh golongan yang terlibat dalam perjanjian sahaja. Walau bagaimanapun, kedua-dua jenis warkah ini dapat dibuatkan perbandingan secara umum. Pada kertas kerja ini, kupasan akan dilakukan ke atas warkah sosial sahaja.

WARKAH SOSIAL

Warkah sosial mempunyai ciri-ciri tertentu seperti berikut;

Corak Hiasan Menarik

Banyak warkah sosial yang dihasilkan dan melibatkan raja-raja Melayu akan memperlihatkan ciri penting ini. Warkah tersebut akan dihiasi corak yang menarik. Hiasan tersebut merupakan nilai seni indah yang melambangkan kebesaran dan keagungan seseorang dalam masyarakat Melayu.

Walaupun tidak ada syarat tetap ke atas seni indah yang mesti digunakan dalam sepucuk warkah sosial, namun seni hias yang digunakan melambangkan status pengirim warkah. Misalnya, ada seni hias yang digunakan dilihat sangat 'berat' atau berlebih-lebih dan ada pula yang 'ringan' atau terlalu mudah hiasan yang digunakan. Warkah Sultan Iskandar Muda dari Aceh kepada Raja James 1 dari England yang bertarikh 1615 merupakan warkah yang mempunyai hiasan yang paling besar dan terpanjang sekali. Warkah ini dianggarkan berukuran satu meter dan dihiasi dengan pokok madat dari atas warkah hingga ke akhir warkah. Warkah ini merupakan warkah Melayu pertama yang mempunyai hiasan yang paling indah dan menarik.





Penggunaan Cap

Sepucuk warkah sosial akan terbukti tulen melalui penggunaan cap. Dengan melihat cap yang tertera pada warkah tersebut, si penerima akan mengetahui diri sebenar pengirim warkah. Ini adalah kerana dalam masyarakat Melayu tradisional, cap tidak akan digunakan secara sembarangan dan cap merupakan komponen penting yang wujud dalam sesebuah warkah. Dalam warkah, kedudukan cap biasanya berada di sebelah kanan bahagian atas sesebuah warkah.



Penggunaan cap adalah mesti sekiranya pengirim warkah merupakan seseorang yang amat penting, berkuasa dan berpengaruh seperti raja/sultan dan pembesar. Ini adalah kerana penggunaan cap akan menjadi pengganti diri mereka di dalam warkah tersebut. Pada zaman dahulu, golongan raja, pembesar, kerabat diraja dan saudagar merupakan golongan yang memiliki cap dan mereka inilah yang biasa mengirim warkah kepada golongan tertentu.

Lazimnya, cap yang digunakan berhuruf Arab atau Melayu atau Jawi yang mana ianya mengandungi nama pemunya, gelaran, tarikh mengikut tahun Islam, tempat dan juga ungkapan-ungkapan Islam. Tulisan pada cap adalah berukiran timbul dan biasanya dibuat oleh juruukir mahir. Bentuk cap adalah berbagai jenis. Terdapat cap yang turut dihiasi dengan unsur indah seperti bunga teratai kembang, daun-daun yang menjalar dan pelbagai lagi yang mana ianya menambahkan lagi keindahan pada cap tersebut. Kebiasaannya cap adalah berbentuk bulatan dan menjadi pilihan kegemaran. Ianya akan dihiasi dengan empat, lapan, dua belas ataupun enam belas kelopak bunga di bahagian luar bingkainya.



Kepala Surat

Kepala surat adalah ciri utama yang menjadi perhatian dalam kalangan pengkaji warkah Melayu. Kepala surat merupakan komponen penting dalam sesebuah warkah yang ditulis oleh jurutulis yang dilantik dan bertanggungjawab menulis warkah tersebut. Kepala surat akan berada di bahagian teratas sesebuah warkah dan berkedudukan di bahagian tengah.


Dalam mana-mana warkah sosial, kepala surat memainkan peranan penting dalam warkah kerana melambangkan secara umum kandungan warkah yang dikirim kepada penerima.



Dengan membaca kepala surat, penerima warkah akan dapat mengagak kandungan warkah yang ditulis oleh pengirim. Lazimnya, kepala surat boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Arab. Bagi jurutulis kreatif, kepala surat ini akan ditulis dalam pelbagai bentuk seperti bentuk kapal, bulatan, segi tiga dan sebagainya. Sesetengah kepala surat pula ditulis dengan pelbagai bentuk kaligrafi seperti thuluth, diwani, dan lain-lain lagi. Kepala surat yang terdapat dalam warkah-warkah Melayu adalah seperti berikut (Ab.Razak Ab. Karim, 2013):

<i>al-Fataah</i>	Pembuka
<i>al-hamdulillah</i>	Puji-pujian bagi Allah
<i>Huwallah Ta'ala</i>	Dialah Allah Ta'ala
<i>al- Mustahaq</i>	Yang Penting
<i>Qawl al-Haqq</i>	Kata-kata Yang Benar
<i>Qawluhu al-Haqq</i>	Kata-katanya Yang Benar
<i>Qult Hadha</i>	Inilah Ucapan Saya
<i>al-Syam wa al-Qamar</i>	Matahari dan Bulan
<i>Ya Aziz</i>	Hai Yang Mulia
<i>Ya Aziz al-Karim</i>	Hai Yang Mulia dan Maha Pemurah
<i>Ya Aziz Ya Ghaffar</i>	Hai Yang Mulia lagi Mengampuni
<i>Ya Fattah al-Qulub</i>	Hai Yang Membuka Segala Hati
<i>Ya Ghaffar al-Rahim</i>	Hai Yang Pemurah lagi Mengampuni
<i>Ya Qadi al-Hajat</i>	Hai Yang Menimbangkan Maksud
<i>Al-Wahid al-Karim</i>	Yang Esa dan Yang Maha Pemurah
<i>Nur Syam wa al-Qamar</i>	Cahaya Matahari dan Bulan
<i>Wa al-Syam wa al-Nujum</i>	Dengan Matahari dan Bintang
<i>Wa al-Nujum wa al-Syam wa al-Qamar</i>	Dengan Bintang dan Matahari dan Bulan
<i>Qawluh al-Haqq wa kallamuh al-Sidq</i>	Kata-katanya Benar dan Ucapannya Tulus
<i>Al-Hamdulillahi Rabbil' Alamin</i>	Puji-pujian bagi Allah Tuhan Semesta Alam
<i>Ya Nur al-Syam wa al-Qamar</i>	Hai Cahaya Matahari dan Bulan

Warkah pertama yang menggunakan kepala surat telah dikirimkan oleh Sultan Abu Hayat dari Ternate kepada Raja Portugal pada tahun 1521 dan baginda telah menggunakan kepala surat *Al-Fattah*.



Puji-pujian

Penggunaan kata puji-pujian biasanya boleh dilihat pada permulaan ayat dalam sesebuah warkah. Lazimnya, kata puji-pujian itu akan berada pada baris pertama iaitu selepas kepala surat di bahagian atas dan cap di sebelah kanan warkah. Ia merupakan ayat yang menjadi pembuka bicara kepada warkah yang dikirimkan. Pelbagai cara dan jenis kata-kata pujian yang boleh digunakan yang mana ianya dipengaruhi oleh status seseorang pengirim warkah tersebut. Kebiasaannya kata puji-pujian yang digunakan dalam warkah Melayu adalah bersifatmeleret-leret dan panjang lebar.

Kata puji-pujian boleh diperlihatkan pada penggunaan kaligrafi dan semantik yang digunakan. Antara kata puji-pujian yang digunakan dalam warkah adalah seperti berikut; (Ibid, 2013).

mashyur sampai kemana-mana
kerajaan yang tidak terlihat oleh penglihatan
kemuliaan dalam negeri dunia ini
kasih sayang selama-lamanya

Kaligrafi

Kaligrafi adalah berkait rapat dengan tulisan yang direka atau ditulis secara indah dan menarik. Kaligrafi biasanya ditulis oleh jurutulis sesebuah warkah untuk melahirkan rasa gembira dan dihargai serta menyenangkan hati sipenerima warkah.

Penggunaan kaligrafi dalam warkah Melayu sebenarnya ada kaitan dengan pengaruh tulisan yang berlaku di Timur Tengah yang mana Alam Melayu mempunyai hubungan yang erat dengan negara-negara tersebut. Maka, bentuk tulisan Arab bergaya kufi, thuluth dan sebagainya telah diamalkan oleh jurutulis dalam warkah-warkah penulisan mereka.

Dalam warkah-warkah Melayu selain seluruh warkah ditulis dengan gaya kaligrafi yang dipilih, bahagian-bahagian tertentu warkah juga akan menggunakan bentuk kaligrafi yang menarik. Bahagian tertentu yang dimaksudkan ialah bahagian kepala surat, kata puji-pujian dan penutup warkah. Bagi sesetengah jurutulis, ketiga-tiga bahagian akan diberikan tumpuan utama dan menjadi lambang atau identiti warkah yang dihantar kepada penerimanya.

KESIMPULAN

Sememangnya Warkah Raja Melayu yang dihasilkan mempunyai nilai estetika dalam pelbagai perkara. Keindahan tersebut boleh diperlihatkan secara luaran apabila mata yang memandangi warkah tersebut akan dapat melihat hiasan cantik yang terpapar, kepala surat yang digunakan, kaligrafi yang terpilih sebagai gaya warkah ditulis. Estetika itu juga turut dipersembahkan melalui gaya dalaman apabila isi warkah menggunakan bunga bahasa dan gaya bahasa yang indah menarik bersesuaian dengan budaya Melayu yang sangat mementingkan sopan santun melalui bahasa indah. Maka bertepatanlah pepatah Melayu, "*yang kurik itu kendi, yang merah itu saga, yang baik itu budi, yang indah itu bahasa*".

RUJUKAN

- Ab. Razak Ab. Karim (2013). *Warkah Raja-Raja Melayu: Struktur, Stilistik dan Nilai Estetika*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.
- Ab. Razak Ab. Karim (2005). Warkah-Warkah Kesultanan Melayu Lama Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Analisis Komponen dan Binaan Markah. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 15.
- Ab.Razak Ab. Karim (2009) Nilai-Nilai Estetika Dalam Warkah Melayu. Dipetik dari <http://repository.um.edu.my/44709/>. 9 April 2019
- Alina Abdullah dan Dzul Haimi Md Zain (2011) Mencari Keindahan Dalam Rekabentuk Warkah Melayu Nusantara. Dipetik dari <https://www.academia.edu/12804715>. 9 April 2019
- _____, 2005. "Nilai Estetika Dalam Warkah-warkah Melayu". *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Disember 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.